

05 MAR 1998

Koh-Air

AIR EMPANGAN MUDA UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN PULAU PINANG

PULAU PINANG, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri sedang bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk melaksanakan langkah-langkah konkrit bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air berikutan musim kemarau yang berpanjangan.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata selain menyelaraskan pengepaman terus dari Sungai Muda di sempadan antara Pulau Pinang dan Kedah, langkah-langkah konkrit kini dibincangkan termasuk melepaskan bekalan air dari Empangan Muda.

"Sejak tiga hari lepas, saya telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Keizrul Abdullah," katanya.

Bercakap pada persidangan berita mingguan di pejabatnya di sini hari ini, beliau berkata mereka bersetuju untuk membantu dan mengarahkan pegawai-pegawai kanan daripada kerajaan pusat dan negeri merangka butiran terperinci mengenainya.

Koh berkata Sungai Muda membekalkan hampir 80 peratus bekalan air bagi kegunaan domestik, perdagangan dan industri di Pulau Pinang dan 100 peratus bagi Sungai Petani dan daerah-daerah berjiran di Kedah.

Beliau berkata berikutan musim kemarau yang berpanjangan itu, paras air di Sungai Muda telah mencapai paras kritikal sehingga menimbulkan masalah pengepaman bagi pengairan dan penggunaan air.

Beliau berharap langkah-langkah konkrit dapat dilaksanakan dalam tempoh 10 hari untuk mengurangkan kemungkinan berlaku gangguan bekalan bagi kegunaan domestik, perdagangan dan industri dan pengairan bagi penanaman padi di Pulau Pinang dan Sungai Petani.

Pulau Pinang menggunakan kira-kira 155 juta gelen air sehari. Ia mendapat bekalan sebanyak 100 juta gelen dari Sungai Muda, 25 juta gelen dari Sungai Kulim dan selebihnya dari kawasan-kawasan tadahan.

Koh berkata Lembaga Air Pulau Pinang sejak beberapa hari lepas telah melepaskan kira-kira 60 juta gelen air sehari dari Empangan Mengkuang.

Simpanan air di empangan itu kini ialah pada paras 4,700 juta gelen berbanding 5,200 juta gelen sebelum musim kemarau itu. -- BERNAMA

SA AKD